

# APO-PROPRANOLOL

Propranolol (10mg, 40mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Propranolol
2. Bagaimana Apo-Propranolol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Propranolol
4. Cara menggunakan Apo-Propranolol
5. Semasa menggunakan Apo-Propranolol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Propranolol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Apo-Propranolol

Apo-Propranolol boleh digunakan untuk :

- Tekanan darah tinggi
- Gejala sakit dada (angina)
- Masalah yang menjejaskan denyutan jantung anda (aritmia, takikardia)

Ia juga boleh digunakan untuk:

- Sakit kepala yang teruk (migrain)
- Tekanan darah tinggi yang disebabkan oleh tumor di kelenjar adrenal. Ini dipanggil '*phaeochromocytoma*'

## Bagaimana Apo-Propranolol berfungsi

Propranolol tergolong dalam kelas ubat yang dipanggil "*beta-blockers*". Propranolol berfungsi dengan menyekat aktiviti sesetengah bahan kimia (hormon) pada bahagian jantung dan saluran darah dan mempengaruhi kadar degupan jantung dan beban kerja jantung.

## Sebelum menggunakan Apo-Propranolol

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan produk ini jika anda mempunyai bronkospasma dan masalah jantung seperti denyutan jantung perlahan (bradikardia) dan sekatan jantung.

Jangan gunakan produk ini jika anda alah kepada propranolol.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Propranolol jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Propranolol jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mula menggunakan ubat ini, anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang keadaan perubatan lain, terutamanya penyakit jantung.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat-ubatan boleh menyebabkan komplikasi apabila diambil bersama-sama dengan Apo-Propranolol. Ubat-ubatan ini termasuk ubatan *antiarrhythmic*, ubat-ubatan jantung, ubat antidepresan, ubat penghalang saluran kalsium, atau mana-mana agen *beta-blocker*.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Apo-Propranolol

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Dos akan diubahsuai dan dipantau mengikut reaksi terapeutik terhadap ubat ini. Jika anda tidak memahami arahan pada

label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat secara berlebihan mungkin menyebabkan bradikardia (kadar jantung yang perlahan), atau hipotensi (tekanan darah rendah)

## Semasa menggunakan Apo-Propranolol

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang

merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Propranolol.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Propranolol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Propranolol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk pening, hati berdebar-debar, perasaan loya, muntah-muntah, atau demam.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Propranolol**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan antara suhu 15-25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Apo-Propranolol 10 mg: berbentuk bulat dan dwicembung, berwarna jingga, diukir perkataan "APO" atas "10", kosong di sebelah.

Apo-Propranolol 40 mg: berbentuk bulat dan dwicembung, berwarna hijau, diukir perkataan "APO" atas "40", kosong di sebelah.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Propranolol

- Bahan tidak aktif  
*Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, magnesium stearate, croscarmellose sodium, starch dan D&C Yellow #10.*

- Nombor MAL

Apo-Propranolol 10mg tab  
MAL 19984685AR

Apo-Propranolol 40mg tab  
MAL19984686AR

**Pengilang**

Apotex Inc.  
150 Signet Drive  
Weston Toronto Ontario  
M9L 1T9 Canada

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaforte (M) Sdn Bhd  
2, Jalan PJU 3/49  
Sunway Damansara  
47810 Petaling Jaya

**Tarikh kemaskini RiMUP**

10/11/2014

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)180914/00018